

Kempen "Simpan Vaganza Online" 2023 ("Kempen")

Terma dan Syarat Kempen

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 01 Mac 2023 dan berakhir pada 29 Februari 2024 ("Tempoh Kempen"), dibahagikan kepada tiga (3) fasa ("Fasa"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknyanya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan, pekerja dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
 - i. PNB;
 - ii. ASNB;
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 198501007000 (139442-U));
 - vi. Jewel Digital Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 201901007717 (1317044-M));
 - vii. Raiz Malaysia Sdn. Berhad (No. Pendaftaran: 201801021108 (1283127-W)); dan
 - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB/ASNB.
4. Kesemua pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu semasa Tempoh Kempen yang mempunyai pegangan unit di dalam mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB adalah dikira sebagai pemegang unit berdaftar dan layak dikira penyertaannya di dalam Kempen ini ("Peserta").
5. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Peserta membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dalam mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB dalam Tempoh Kempen.
 - ii. Pelaburan adalah dalam berbentuk tunai melalui platform pelaburan dalam talian ("Platform") berikut:
 - a. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan aplikasi mudah alih;
 - b. perbankan internet ejen-ejen yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;

- c. mana-mana 'Automated Teller Machine' (ATM) yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- d. mesin kiosk di cawangan-cawangan ASNB; atau
- e. lain-lain saluran dalam talian yang akan disediakan pada masa akan datang untuk membeli unit amanah ASNB atau seperti yang dinyatakan di laman web ASNB (www.asnb.com.my).

Mekanisme Kempen

1. Apabila Peserta layak menyertai Kempen dengan membuat pelaburan minimum bagi Kategori Bulanan, Peserta layak untuk cabutan rawak Pemenang Kempen ("Pemenang") melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan setiap bulan.
2. Amaun pelaburan layak adalah minimum Ringgit Malaysia lima ratus (RM500) untuk transaksi pelaburan dalam mana-mana tempoh pemilihan pemenang.
3. Transaksi pelaburan layak oleh Peserta hanya sah bagi Fasa di mana transaksi itu dilakukan. Transaksi layak yang baharu perlu dilakukan bagi Peserta yang ingin menyertai Fasa-Fasa seterusnya yang ditawarkan sepanjang Tempoh Kempen. Fasa-Fasa tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1

Fasa	Tempoh Pelaburan
1	1 Mac – 30 Jun 2023
2	1 Julai – 31 Oktober 2023
3	1 November 2023 – 29 Februari 2024

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

1. Kempen ini menawarkan hadiah-hadiah bagi Fasa 1 sehingga Fasa 3 seperti berikut:
 - a) Setiap Peserta adalah layak sehingga lapan (8) pemilihan pemenang yang dilakukan setiap dua (2) minggu untuk setiap Fasa, yang mana kombinasi hadiah yang berbeza.
 - b) Pemilihan pemenang dijadualkan pada setiap 1hb dan 16hb setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk kepada hujung minggu dan cuti umum.
 - c) Kempen ini menawarkan seramai lapan belas (18) orang Pemenang bagi setiap pemilihan atau keseluruhan sejumlah seratus empat puluh empat (144) Pemenang bagi setiap Fasa. Setiap bulan menawarkan kombinasi hadiah yang berbeza. Butiran hadiah-hadiah dan bilangan pemenang bagi setiap Fasa (4 bulan) adalah seperti berikut:

Bulan 1 (Gajet pengguna)

Kekerapan	Tempat	Hadiah	Pemenang setiap Pemilihan
Dua kali sebulan	Pertama	iPhone 14	1
	Kedua	Kamera Canon EOS1500D	1
	Ketiga	Sony Link Buds	6
	Saguhati	Baucar TnG e-Wallet RM50	10

Bulan 2 (Perkakas/Baucar bertemakan gaya hidup)

Kekerapan	Tempat	Hadiah	Pemenang setiap Pemilihan
Dua kali sebulan	Pertama	TV Pintar Samsung 65" BU5800	1
	Kedua	Vakum Dyson V11	1
	Ketiga	Philips Airfryer XL	6
	Saguhati	Baucar Shopee Food RM50	10

Bulan 3 (Gajet pengguna)

Kekerapan	Tempat	Hadiah	Pemenang setiap Pemilihan
Dua kali sebulan	Pertama	Komputer Riba HP Pavilion Plus 14"	1
	Kedua	Sony Playstation 5	1
	Ketiga	Jam Pintar Samsung Galaxy Watch 4	6
	Saguhati	Baucar Grab RM50	10

Bulan 4 (Perkakas/Baucar bertemakan gaya hidup)

Kekerapan	Tempat	Hadiah	Pemenang setiap Pemilihan
Dua kali sebulan	Pertama	Peti Sejuk Samsung Side-by-Side 680L	1
	Kedua	Baucar Percutian RM2,500	1
	Ketiga	Baucar JD Sports RM1,000	6
	Saguhati	Baucar Wayang RM50	10

- d) Pemenang akan dipilih secara rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.
2. Semua Pemenang hanya layak untuk satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

3. Semua hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilainya atas sebab-sebab tertentu dan atas budi bicara mutlakny.
4. Sekiranya seseorang Pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam masa DUA (2) bulan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
5. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Peserta dan/atau Pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua Pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini pada bila-bila masa.
6. ASNB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.

7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.